

'Najib tiada kuasa mutlak seperti diktator dalam 1MDB'

Ada banyak aspek berhubung operasi syarikat tidak perlukan kelulusan bawah Perkara 117 M&A 1MDB

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Perlembagaan syarikat dan Memorandum Persatuan (M&A) 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak memberikan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kuasa mutlak seperti seorang diktator dalam syarikat pelaburan strategik negara itu, Mahkamah Tinggi, semalam diberitahu.

Bekas Pengerusi 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Tan Sri Che Lodin Wok Kamarudin, berkata berdasarkan kepada perlembagaan syarikat 1MDB, Najib yang juga bekas Menteri Kewangan, tidak memiliki kuasa seperti seorang diktator.

Saksi ke-12 bagi pihak pembealaan itu yang menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee

Abdullah pada sesi pemeriksaan utama menjelaskan, terdapat banyak aspek berhubung operasi dalam 1MDB yang tidak memerlukan kelulusan di bawah Perkara 117 M&A 1MDB.

"Jika Perdana Menteri dianggap sebagai diktator di bawah Perkara 117, sudah tentu ia akan mengganggu operasi 1MDB dalam banyak perkara.

"Ini adalah kerana setiap perkara kecil yang perlu dijalankan memerlukan kelulusan di bawah Perkara 117, jika ia ditafsirkan sebegini," katanya.

Disoal Muhammad Shafee, adakah pernah berlaku di mana dalam setiap keputusan syarikat dibuat oleh Najib, Che Lodin menjawab, "tidak".

Mengikut Perkara 117 M&A 1MDB, setiap keputusan penting mestilah di bawah arahan atau kelulusan perdana menteri.

Najib adalah pemegang saham tunggal 1MDB kerana beliau adalah menteri kewangan ketika itu, memandangkan 1MDB dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Sementara itu, Che Lodin ber-

kata, tidak semua urusan dalam syarikat 1MDB perlu melalui kelulusan pemegang saham kerana kuasa membuat keputusan terletak pada Lembaga Pengarah (BOD).

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Mohd Hazem Abd Rahman, dalam keterangan sebelum ini berkata pemegang saham sebenar 1MDB adalah kerajaan, manakala semua pengurusannya adalah bawah kuasa Najib ketika itu.



Najib Razak

Mohd Hazem berkata, walaupun Ahli Lembaga Pengarah 1MDB mempunyai kuasa membuat pertimbangan dan keputusan, semua urusannya akan ditentukan oleh Najib kerana beliau memegang kuasa veto.

Mohd Hazem merujuk Artikel 117 M&A 1MDB yang antara lain menyebut segala hal penting termasuk pemecatan pengarah, jawatankuasa kewangan serta perubahan dalam pasukan pengurusan, memerlukan persetujuan Perdana Menteri.

Sementara itu, Muhammad Shafee turut bertanya kepada Che Lodin mengenai kebenaran jawapannya ketika disoal di

mahkamah dan mempersoalkan sama ada saksi itu memberikan keterangan untuk membantu Najib.

Che Lodin berkata, beliau cuba bersungguh-sungguh untuk membentangkan apa yang sebenarnya berlaku dan yang jelas berlaku dalam operasi 1MDB ketika beliau menjadi Pengarah dan Pengerusi Lembaga Pengarah 1MDB.

Disiasat lebih sebulan

Sementara itu, Che Lodin berkata, beliau disiasat selama lebih sebulan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan skandal penyelewengan dana 1MDB.

Katanya, beliau tidak dapat mengingati jumlah hari yang tepat tetapi mengesahkan siasatan dijalankan melebihi tempoh sebulan dan proses rakaman percakapan kadang-kadang mengambil masa sepanjang hari.

Najib membela diri terhadap empat tuduhan menggunakan kedudukan bagi memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 tuduhan pengubahan wang haram.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah di Istana Kehakiman bersambung hari ini.